



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2009**

---

**PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN IJAZAH SARJANA  
DAN/ATAU IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)  
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan meminda prinsip pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007 bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.8 Tahun 2007 telah mengiktiraf kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D bagi maksud lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam dengan syarat pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) berkenaan hendaklah juga memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan. Ini bermakna, sekiranya pemegang kelayakan tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda atau memiliki Ijazah Sarjana Muda yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan, maka kelayakan beliau yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) akan turut tidak diiktiraf oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan di dalam SPP 8/2007.

## DASAR PENGIKTIRAFAN

3. Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengiktiraf kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang dijalankan oleh:

- i) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) secara sepenuh masa atau separuh masa (sama ada secara luaran, jarak jauh atau *on-line*); atau
- ii) IPTA dengan kerjasama IPT luar negara yang tersenarai dalam ‘Senarai Universiti yang Diiktiraf oleh Kerajaan’ (sila rujuk laman web <http://www.interactive.jpa.gov.my/frmmainiktiraf.asp>) di bawah program sepenuh masa atau separuh masa (sama ada secara luaran, jarak jauh atau *on-line*) yang memberi satu penganugerahan sahaja (*single award*); atau
- iii) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sepenuhnya dan telah mendapat perakuan akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah program sepenuh masa dan separuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line*; atau
- iv) IPTS dengan kerjasama IPTA tempatan atau IPT luar negara di bawah program sepenuh masa dan separuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line* serta telah mendapat perakuan akreditasi MQA; atau
- v) Kampus-kampus cawangan IPT luar negara di Malaysia di bawah program sepenuh masa dan separuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line* serta telah mendapat perakuan akreditasi MQA; atau
- vi) IPT luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan negara berkenaan di bawah program sepenuh masa dan telah mendapat perakuan pengiktirafan oleh Kerajaan negara berkenaan. Pengesahan status IPT luar negara ini boleh dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik dengan menghubungi pejabat kedutaan negara berkenaan di Malaysia atau pejabat kedutaan Malaysia di negara berkenaan. Pihak Berkuasa Melantik perlu memastikan kualiti dan kesetaraan kelayakan dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dan sebarang keraguan mengenai kelayakan ini perlu dirujuk kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

4. Pengiktirafan bagi kelayakan-kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) seperti yang dinyatakan di para 3 (i) hingga (vi) di atas masih tertakluk kepada pemegang kelayakan berkenaan hendaklah juga memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan.

5. Kelayakan-kelayakan Sarjana (Master) yang dinilai taraf setaraf Ijazah Sarjana Muda bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam tidak dikira sebagai kelayakan Sarjana (Master). Sebagai contoh, Kerajaan telah menetapkan bahawa kelayakan Master of Engineering (M.Eng) dari universiti-universiti di United Kingdom hanya boleh digunakan untuk tujuan pelantikan ke jawatan mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan. Oleh itu, kelayakan tersebut tidak termasuk dalam kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D seperti di para 3 (i) hingga (vi) di atas.

#### **PEMATUHAN**

6. Ketetapan pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan-kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) ini seperti di perenggan 3 (i) hingga (vi) di atas hendaklah dipatuhi oleh semua Pihak Berkuasa Melantik dalam membuat sebarang pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.

#### **PENGECUALIAN**

7. Sesuai dengan perkembangan semasa dan keperluan dalam pelaksanaan tugas yang mencabar dalam sesetengah jawatan, Kerajaan telah bersetuju menimbangkan pelantikan calon yang tidak memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda yang tidak diiktiraf tetapi memiliki kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan ke dalam perkhidmatan seperti di **Lampiran A**. Kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) itu hendaklah diperoleh seperti dinyatakan di para 3 (i) hingga (vi). Syarat-syarat lain yang terdapat dalam skim perkhidmatan terlibat adalah tidak berubah.

8. Sebarang pertanyaan berkaitan surat pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **TARIKH KUATKUASA**

9. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada tarikh ianya dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1987 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

Tarikh: 17 November 2009

s.k.:

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

**SENARAI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG MEMPERUNTUK SYARAT  
LANTIKAN DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA DAN/ATAU Ph.D**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Kelayakan Masuk
1.	Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Badan Profesional; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Sarjana Perubatan; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
2.	Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45, DM51/52, DM53/54, Gred Khas	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Badan Profesional; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
3.	Pegawai Penyelidik Gred Q41, Q44, Q48, Q52, Q54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
4.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Badan Profesional; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
5.	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, F44, F48, F52, F54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41, M44, M48, M52, M54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
7.	Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41, Q44, Q48, Q52, Q54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
8.	Pegawai Psikologi Gred S41, S44, S48, S52, S54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
9.	Pegawai Kanan Polis Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana; <b>atau</b> Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
10.	Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Badan Profesional; <b>atau</b> Ijazah Sarjana
11.	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41, S44, S48, S52, S54	Ijazah Sarjana Muda; <b>atau</b> Ijazah Sarjana